


# Warisan

BILANGAN 2

KDN 7890

DISEMBER 1975



diterbitkan oleh  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

# Warisan

Jurnal Warisan  
Jabatan Pelajaran Negeri  
Negeri Sembilan  
Seremban, Selangor.

BILANGAN 2

KDN 7890

DISEMBER 1975

## KANDUNGAN

1. Jawatankuasa Kerja  
Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan halaman 2
2. Rencana Pengarang halaman 3
3. Sistem Politik Negeri Sembilan  
**Dr. Khoo Kay Kim, Ph.D.** halaman 4
4. Perang Bukit Putus 1875 — 1876  
**William Jalleh, B.A. (Hons.), PJM, PJK.** halaman 12
5. Sejarah Sekolah-Sekolah Di Negeri Sembilan halaman 17
6. Masjid Tua Kampung Tengah  
**Mohd. Ali bin Isa** halaman 38

*gambar kulit:* Bangunan Muzium Negeri, Negeri Sembilan

**JAWATANKUASA KERJA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

<i>Penaung</i>	YAB Datuk Mansor bin Othman, KMN, PJK. Menteri Besar Negeri Sembilan.
<i>Yang Dipertua</i>	YB Encik Mohd. Saffian bin Haji Abdul Majid, KMN, PPT.
<i>Naib Yang Dipertua</i>	Encik Idris bin Haji Tain. PPT.
<i>Setiausaha Kehormat</i>	Encik Ismail bin Haji Adnan.
<i>Penolong Setiausaha Kehormat</i>	Encik Musa bin Wahab. PJK.
<i>Bendahari Kehormat</i>	Encik Tan Ghee Peng.
<i>Ahli-Ahli Jawatankuasa</i>	Encik B. H. Tan, JMN, JP, PJK, O.S.I. Encik Wan Jaafar bin Abdullah, PPT. Encik William Jalleh, PJM, PJK. Encik Mohd. Said bin Haji Mohd. Radzi. Encik Mohd. Zain bin Haji Rais. Encik Ahmad bin Janor. Encik Mohammad bin Maarof. Tuan Syed Jaafar bin Syed Abdul Rahman. Encik R. Visvanathan. Cik Noraini binti Ali. Cik Vicki Muthu. PJK.
<i>Pengarang Kehormat</i>	Datuk Sutan Bendahara Mohd. Shariff bin Fakeh Hassan, PJK, PPN. Cik Sharifah Nor binti Puteh.

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN**

<i>Pengerusi</i>	Encik Mohd. Said bin Haji Mohd. Radzi.
<i>Setiausaha</i>	Encik Ismail bin Haji Adnan
<i>Pengurus</i>	Encik Tan Ghee Peng.
<i>Ahli-Ahli</i>	Encik William Jalleh, PJM, PJK. Datuk Sutan Bendahara Mohd. Shariff bin Fakeh Hassan, PJK, PPN. Encik Musa bin Wahab. PJK. Cik Sharifah Nor binti Puteh.

## RENCANA PENGARANG

Keperluan sebuah Muzium Negeri Sembilan yang benar-benar berfungsi jelas diperlihatkan melalui pendapat-pendapat umum yang tersiar di akhbar-akhbar tempatan. Saudara Isbiha dalam tulisannya MUZIUM NEGERI PERLU DIBERI WAJAH BARU (Berita Harian, 20hb. November, 1975) telah mengemukakan beberapa pendapat orang-orang tempatan yang menyatakan bahawa Muzium Negeri yang ada sekarang tidak dapat memenuhi tugas dan fungsinya dengan wajar, bukan sahaja dari segi bangunannya yang kecil dan telah uzur, tetapi juga dari segi kedudukannya dan bahan-bahan yang dipamirkannya.

Ekoran dari itu, Saudara S.M. Hata telah menulis FUNGSI DAN SUSUNAN BAGI SEBUAH MUZIUM (Berita Harian, 13hb. Disember, 1975) yang antara lain telah menyebut, "Ramai tokoh-tokoh terkenal, baik kebudayaan, kesenian, sejarah dan juga para peminat menyuarakan hasratnya supaya muzium itu (Muzium Negeri Sembilan) diberi perhatian yang sewajarnya."

Sebenarnya hasrat mereka itu bukanlah tidak mendapat perhatian dari Kerajaan Negeri Sembilan. Ini terbukti dengan adanya mesyuarat-mesyuarat Lembaga Muzium Negeri yang melibatkan penyertaan beberapa jabatan kerajaan, khusus untuk membicarakan soal-soal berhubung dengan penyusunan pentadbiran dan penyelenggaraan Muzium Negeri ini.

Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan sendiri telah mengemukakan satu kertaskerja awal berhubung dengan penyusunan bahan-bahan Muzium tersebut untuk dibincangkan. Adalah diharapkan kertaskerja itu dapat menjadi titiktolak kepada pelaksanaan penyusunan semula Muzium Negeri, dan dalam hubungan ini diharapkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil inisiatif utama.

Sesungguhnya negeri ini mempunyai banyak bahan-bahan yang menarik dan penting untuk dipamirkan di dalam Muzium Negeri, tetapi untuk mengusahakan pengumpulan dan penyusunan yang benar-benar sempurna pastilah memerlukan banyak usaha, tenaga, kewangan, malah pengurbanan.

Cawangan ini percaya projek serupa ini dapat dijayakan sekiranya Kerajaan Negeri dapat mengambil dayautama, di samping melibatkan penyertaan secara aktif jabatan-jabatan kerajaan, orang-orang perseorangan, kalangan swasta, dan badan-badan sukarela yang terdapat di negeri ini.

Sekiranya projek ini dapat dijayakan, ianya akan dapat membanggakan Negeri Sembilan, bukan sahaja kerana mempunyai sebuah Muzium Negeri yang lengkap dan tersusun dengan rapi, tetapi juga dapat menarik lebih ramai lagi pelancung-pelancung yang sebahagiannya dapat mengukuhkan perkembangan ekonomi dan pembangunan negeri ini.

# PEPERANGAN BUKIT PUTUS 1875 — 1876

oleh

William Jalleh, B.A. (Hons.), P.J.M, P.K

Gurubesar

Sekolah Menengah Tuanku Muhammad, Kuala Pilah

Bukit Putus yang seribu kaki tingginya merupakan sempadan yang semua jadi antara Daerah Kuala Pilah dan Daerah Seremban di Negeri Sembilan. Negeri Sembilan adalah terdiri dari gabungan sembilan daerah. Dalam abad kedelapan belas, ketika ancaman Bugis membahayakan, daerah-daerah di Negeri Sembilan telah menjemput Raja Melewar dari Minangkabau, Sumatera pada tahun 1773 untuk menjadi ketua mereka. Raja Melewar kemudian diberi gelaran Yang Di Pertuan Besar, atau singkatnya sebagai Yam Tuan dan telah memerintah dari pusat pemerintahan di Seri Menanti. Daerah-daerah yang di bawah penguasaan baginda termasuk daerah-daerah yang kecil seperti Terachi, Gunung Pasir, Jempul dan Ulu Muar. Daerah-daerah besar yang lain seperti Johol, Sungai Ujung (iaitu daerah Seremban dan daerah-daerah Pantai) Rembau, dan Jelebu adalah di bawah pemerintahan ketua-ketua yang di kenal sebagai Undang Yang Empat. Undang-Undang telah ditugaskan memilih Yam Tuan daripada seorang keluarga di Raja. Putera-putera keluarga di raja telah berkahwin dengan keluarga-keluarga bangsawan dan telah keluar dari kawasan Seri Menanti. Lama kelamaan orang-orang Bugis telah hilang kuasa mereka dan orang-orang Belanda serta kemudian orang-orang telah mengambil tempat mereka. Peniaga-peniaga bangsa Inggeris dan Cina di Singapura, Pulau Pinang dan Melaka terlibat dalam perusahaan lombong bijih di negeri-negeri di Tanah Me'ayu. Satu kawasan perlombongan bijih timah ialah kawasan di Sungai Ujung, di Negeri Sembilan.

Antara tahun 1830 hingga 1860, lombong-lombong bijih timah di Sungai Ujung diusahakan oleh pekerja-pekerja bangsa Cina dan juga beberapa orang Melayu. Perimbangan perusahaan bijih ini seperti juga di Selangor dan di Perak, memainkan peranan penting dalam pensejarahan negeri ini. Sungai Linggi digunakan untuk membawa bijih-bijih itu ke pantai-pantai dan kemudian dihantar ke Singapura. Sungai ini membahagikan daerah Datuk Kelana di Sungai Ujung dengan daerah Undang Rembau. Kedua-dua pihak mempunyai pusat pemungutan cukai di beberapa tempat di sungai itu. Bijih-bijih yang diekspot melalui sungai tersebut akan dikenakan cukai. Ini akan mengakibatkan perkelahian, tambahan lagi Yam Tuan Antah sendiri dalam tahun 1860 telah masuk campur di Rasah yang pada masa itu adalah pusat melombong di Sungai Ujung. Dalam hal ini, baginda telah mendapat pertolongan daripada keluarga di Raja di Tampin yang pada masa itu menjadi sebahagian daripada daerah Rembau. Dalam tahun 1861, Yam Tuan Radin mangkat dan digantikan oleh adinda baginda Yam Tuan Imam. Setelah Yam Tuan Imam mangkat dalam tahun 1869, satu perkelahian antara kedua sepupu iaitu Tunku Antah (putera Radin) dengan Tunku Ahmad Tunggal (Putera Yam Tuan Imam). Tunku Antah terkenal sebagai pendekar dan Tunku Ahmad merupakan seorang yang kaya kerana mempunyai daerah-daerah perlombongan di Kuala Pilah. Oleh itu bijih yang terdapat di Sungai Ujung telah memainkan peranan penting dalam sejarah Negeri Sembilan.

Di Sungai Ujung sendiri keadaannya tidak aman. Dalam tahun 1871 Datuk Kelana Sendang meninggal dan telah digantikan oleh anak saudaranya bernama Laksamana Syed Abdul Rahman. Beliau bermusuh dengan Datuk Shah Bandar Tunggal iaitu seorang kaya yang banyak mempunyai kawasan-kawasan bijih di Rasah. Datuk Kelana Syed Abdul Rahman, berbaik-berbaik dengan orang-orang

Inggeris dan telah mengikat janji dengan mereka. Tunku Antah di Seri Menanti tidak sukakan perkara ini kerana Datuk Kelana telah bertindak sendiri tanpa memohon kebenaran Yam Tuan. Pada awal tahun 1875, Residen Inggeris yang pertama tiba di Sungai Ujung untuk membantu Datuk Kelana untuk memerintah daerahnya. Residen Inggeris itu ialah Kommander Patrik Murray RNR dan telah menubuhkan pejabatnya di satu kawasan tinggi iaitu di Jalan Channer yang terdapat sekarang. Datuk Kelana tinggal di Ampangan kira-kira 2 batu dari Seremban iaitu tempat pelombong-pelombong Cina tinggal.

Ketua-ketua perkumpulan Melayu dan orangramai tidak suka akan kedatangan Inggeris di Sungai Ujung itu. Mereka bermesyuarat pada bulan November, 1875 untuk memilih Tunku Antah sebagai Yam Tuan dan dalam perlantikan ini Datuk Kelana tidak hadir bersama. Terdapat pertengkaran antara kedua belah pihak mengenai daerah Terachi. Terachi bersama-sama daerah lain seperti Ulu Muar, Jempul dan Gunung Pasir, adalah daerah takluk Yam Tuan. Bukit Putus itu telah membahagikan daerah Terachi dengan Sungai Ujung. Datuk Kelana cuba untuk menambah pengaruhnya di Terachi. Apabila Murray mendapat tahu bahawa Yam Tuan Antah memecat ketua di Terachi dalam bulan November, beliau melawat Terachi pada 27 haribulan bersama-sama Lt. Hinxman dan 20 orang ahli Regiment yang ke 10, 30 orang anggota polis, seorang doktor dan seorang juru ukur Australia bernama Daly. Dapat dikatakan bahawa orang-orang Inggeris ini tidak mempunyai apa-apa kaitannya dengan masalah di Terachi.

Murray mendapati keadaan tidaklah begitu buruk di Terachi oleh itu telah kembali ke Seremban pada 28 haribulan. Daly telah pergi ke Kuala Pilah untuk melihat kawasan itu. Di persawahan padi berhampiran dengan Bukit Putus, ia menemui sekumpulan 200 orang Melayu bersedia dengan senjata masing-masing. Daly dinasihatkan supaya tidak pergi ke Kuala Pilah. Daly memohon pertolongan Murray serta Hinxman kembali ke Terachi. Pertempuran pertama berlaku dan orang-orang Melayu dibantu oleh penduduk dari Ulu Muar yang datang melalui bukit-bukit. Kawasan-kawasan padi dibubuh dengan duri-duri dan onak buluh. Orang-orang Inggeris setelah melihat pertempuran secara berhadapan tidak mungkin dapat dilakukan; oleh itu telah balik semula ke Seremban. Yam Tuan Antah murka terhadap campurtangan orang-orang Inggeris di Terachi ini dan telah mengumpulkan satu angkatan tentera yang terdiri daripada 1000 orang dari Seri Menanti. Dengan harapan pertolongan dari Jelebu, Tampin dan Rembau, tentera baginda telah melalui Bukit Putus dan menuju ke kawasan Paroi di Sungai Ujung.

Orang-orang Inggeris pada masa itu merancang untuk menghalau tentera Yam Tuan Antah keluar dari Sungai Ujung. Hinxman dengan 50 orang askarnya dan 83 alat-alat senjata membuat lurah di perkemahannya di Rasah. Beliau mestilah melindungi daerahnya untuk menyakinkan Datuk Kelana. Pada malam 2hb. Disember, kira-kira 200 orang Yam Tuan berjaya menguasai Paroi setelah memenangi satu pertempuran. Mereka berada hanya 7 batu sahaja lagi sebelum sampai ke Seremban. Orang-orang Inggeris menghantar pertolongan dan 20 orang dari Regiment Inggeris didatangkan dari Melaka di bawah jagaan Lt. Peyton. Pada 10 haribu'annya, Lt. Peyton mengetuai sepasukan 30 orang askar, 30 orang anggota polis dan 6 orang Arab menentang orang-orang Melayu di Paroi. Hinxman melaporkan bahawa orang-orang Melayu telah menguasai Bukit Putus dan menembak dari kubu-kubu mereka yang tersembunyi. Apabila Hinxman mengundurkan angkataannya, orang-orang Melayu telah mengikutinya dan telah menguasai bahagian timur Sungai Linggi di Ampangan. Selepas itu Murray sendiri telah mengetuai satu angkatan dengan menggunakan sebuah meriam kepunyaan Datuk Kelana bagi menentang semula orang-orang Melayu. Meriam itu telah membantu orang-orang Inggeris. Tetapi adalah jelas bahawa orang-orang Inggeris memerlukan bantuan luar.



Cikgu Nordin Awal, seorang guru sejarah Sekolah Datuk Abdul Razak, Seremban sedang memberi penerangan suatu projek sekolahnya — Perang Bukit Putus — kepada Yang Amat Mulia Datuk Undang Rembau (di sebelah kiri sekali) ketika Yang Amat Mulia melawat Pomiron Sejarah, pada bulan April 1974.

Orang-orang Inggeris pada masa ini terlibat dalam peperangan di Perak selepas terbunuhnya J.W.W. Birch — Residen Inggeris di situ. Sir William Jervois, Gabenor negeri-negeri Selat meminta bantuan dari India. Seramai 350 orang Gurkha dihantar ke Melaka kerana Sungai Ujung memohon bantuan. Dari Singapura, 85 orang anggota pasukan Arab di bawah jagaan En. Fontaine menuju ke Melaka. Jervois mengarahkan Lt. Gabenor di Pulau Pinang bernama Archibald Anson untuk melihat apakah yang berlaku di Sungai Ujung. Untuk menghantar pasukan tentera dari Melaka ke Sungai Ujung tidaklah semudah sekarang. Dari muara Sungai Linggi, angkatan tentera terpaksa melalui Sungai Linggi dan lembah-lemahnya menuju ke Seremban dengan berjalan kaki. Pasukan itu boleh juga melalui laut daripada Melaka ke Lukut (di bahagian utara Port Dickson sekarang) dan kemudian mengikut jalan darat 20 batu ke Seremban. Ada juga yang menceritakan bahawa orang-orang Melayu Melaka bersimpati dengan orang-orang di Negeri Sembilan. Beberapa orang rakyat Melaka, terutamanya golongan nasrani seperti Henry Velge, telah melaburkan wang untuk perusahaan bijih, lada hitam dan ubi di Tampin dan Johol. Kerana itu mereka bersimpati dengan ketua-ketua Melayu di Negeri Sembilan dan berpehak dengan Yam Tuan Antah.

Seperti yang telah dinyatakan, Peyton bersama-sama 20 orang dari anggota Rejimen yang ke 10, telah tiba di Sungai Ujung dari Melaka pada 3hb. Disember. Pada keesokannya sekumpulan orang-orang Arab di bawah jagaan Fontaine telah mendarat di Lukut dari Melaka, dan sampai ke Seremban pada 6hb. Disember. Pada 7hb. Disember, Kapitan Vaughton, Panglima Kota di Melaka menghantar 50 orang ke Sungai Ujung. Pada 10hb. Disember kira-kira 250 orang Gurkha, kesatuan askar pasukan meriam dan 32 orang pegawai dan orang-orang dari H.M.S. Thistle tiba pada 17 haribulan Disember. Pasukan-pasukan ini tidak termasuk mereka yang membawa bekalan dan alat-alat. Orang-orang Inggeris menghadapi ratusan orang Melayu yang bersenjatakan senapang-senapang jenis "snider" dan

"flintlock", yang menggunakan peluru dibuat daripada bijih. Vaughton melapurkan bahawa ada terdapat seorang tukang membuat senapang di Seri Menanti yang boleh menukarkan senapang jenis "percussion" kepada jenis "flintlocks", kerana tiada didapati tudungnya untuk jenis "percussion" itu. Vaughton juga melapurkan bahawa ubat bedil dibawa masuk dari Pahang. Terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa orang-orang Melayu mempunyai senapang le'a (snivel guns) dan senapang-senapang jenis "muskeis" dibuat daripada besi dan tembaga. Masanya telah tiba untuk pertempuran yang akan menentukan kalah menang.

Pasukan tentera Yam Tuan Antah berkemah di Paroi tidak jauh dari Seremban. Pasukan Inggeris membuat keputusan untuk menentang di Paroi dan memaksa orang-orang Melayu berundur ke Bukit Putus sebelum mereka dapat menyediakan kedudukan pertahanan mereka. Pada 7 haribulan Disember seramai 35 orang dari Rejimen yang ke 10, 48 orang anggota polis dan 85 orang Arab, bersama-sama Murray dan Hinxman disertai dengan Skinner seorang pentadbir muda, Lt. Peyton dari Rejimen yang ke 10 dan pembantu Fontaine bernama Robinson menuju ke perkampungan Paroi. Kira-kira 600 orang Melayu telah bertahan dan mereka ditempatkan pada 20 buah rumah-rumah di belakang satu tembok benteng dari tanah berbentuk separuh bulatan yang bernama "breast-works". Di hadapan tembok benteng ini iaitu di sebelah Seremban, didapati paya-paya. Di kawasan di sebelah pasukan Yam Tuan Antah, diliputi oleh hutan-hutan dan bukit-bukit. Yam Tuan Antah sendiri mengepalai orang-orang baginda. Hinxman menghantar satu pasukan kecil menentang orang-orang Melayu di sebelah kanan. Robinson mengetuai satu pasukan lain dari sebelah kiri. Setelah berbalas-balas tembakan selama satu jam lamanya, pertahanan orang-orang Melayu tidak dapat ditembusi. Peyton dan Hinxman telah cuba untuk menentang secara berhadapan menggunakan "bayonet" dengan pertolongan 20 orang Inggeris dan Arab tetapi telah gagal. Kemudian Murray dan Skinner membawa meriam tembaga kepunyaan Datuk Kelana. Sekali lagi Hinxman dan Peyton menentang orang-orang Melayu dan Paroi telah dikuasai.

Seramai 30 orang-orang Inggeris dan Arab telah terbunuh dan mendapat cedera; begitu juga di pihak orang-orang Melayu. Pada 10hb. Disember, Kolonel Clay telah tiba dari Melaka dengan 500 orang yang siap dengan senjata. Bukit Putus masih lagi dikuasai oleh orang-orang Melayu. Orang-orang Inggeris merancang untuk memasukkan sebahagian orang-orang Gurkha melalui jalan Lengkap ke Terachi melalui Jelebu dan mengancam orang-orang Melayu dari bahagian belakang. Pada 19hb. Disember, pasukan yang di ketua oleh Murray memulakan 3 hari perjalanan untuk bersama-sama dengan Clay yang bertempur pada 22 haribulan. Anson melapurkan ada terdapat sekumpulan pasukan di tembusan yang sempit; hutan-hutan dan belukar adalah tebal. Clay dibantu oleh 280 orang Gurkha dalam pertempuran itu. Kapten Channer mengetuai pasukan Gurkha yang pertama itu. Beliau melapurkan terdapat sekumpulan kecil orang-orang Melayu berlindung di kubu-kubu pertahanan. Mereka berbalas-balas tembak. Dalam satu kubu yang dapat dimasukinya pada 22hb. Disember, ia menemui 30 orang di dalamnya. Orang-orang Melayu tiada mempunyai bahagian militari yang mengurus hal makanan. Jadi, mereka memasak sendiri walaupun semasa bertempur itu. Kapten Channer mengatakan ada terdapat 3 kubu pertahanan semuanya yang telah membalas tembakan selama satu jam. Selepas itu orang-orang Melayu berundur dari kubu-kubu mereka di Bukit Putus.

Orang-orang Melayu masih boleh menentang tetapi dengan secara tiba-tiba Murray dengan askarnya dan kuli-kuli pembawa a'latan sampai. Kumpulan yang diketuai oleh Clay menuju ke Terachi dan Seri Menanti. Orang-orang Melayu terpaksa berundur dan Yam Tuan Antah dan keluarga baginda terpaksa keluar dari Negeri Sembilan. Channer telah dianugerahkan "Victoria Cross" kerana ke-



beranian beliau di pertempuran di Bukit Putus — iaitu pengurniaan Victoria Cross yang pertama di Tanah Melayu. Hinxman dinaikkan pangkat menjadi Kapten. Peyton menerima surat tahniah daripada Panglima Tentera dan diberi penghormatan. Dalam tahun 1881, Gabenor Weld, yang sedang melawat Bukit Putus untuk mengadakan mesyuarat dengan Yam Tuan Antah, memuji-muji Murray kerana mengambil tindakan menggunakan Jalan Langkap ke Jelebu. Ini menyebabkan angkatan Inggeris dapat menentang orang-orang Melayu dari arah belakang di Bukit Putus. Walau bagaimana pun kekuatan orang-orang Inggeris dan askar-askar Gurkha itulah yang menyebabkan kemenangan mereka. Pertempuran Bukit Putus berakhir semasa Yam Tuan Antah meninggalkan Seri Menanti berangkat ke Johor.

Selepas peperangan, Murray campurtangan dalam hal-hal di Seri Menanti. Undang-undang dan peraturan dijaga. Pusat-pusat polis diadakan untuk mengumpulkan senjata-senjata dan mengawal kumpulan-kumpulan yang bersenjata. Murray dibantu oleh 2 orang musuh Yam Tuan Antah iaitu Tunku Ahmad Tunggal dan seorang ketua bernama Angki Bongsu. Pada bulan Mei, 1876 melalui pejabat Maharaja Johor, Yam Tuan Antah telah ditemui oleh Gabenor Singapura. Dalam satu pertemuan yang lain, pada bulan November, Yam Tuan Antah diiringi oleh ketua-ketua orang-orang Melayu di Seri Menanti, Johor dan Inas, satu kawasan di bawah takluk Johor. Akhirnya disetujui bahawa Yam Tuan Antah kembali ke Negeri Sembilan. Daerah Sungai Ujung adalah di bawah lindungan orang-orang Inggeris. Murray ada bersama-sama hadir di Seri Menanti apabila Yam Tuan Antah kembali ke Negeri Sembilan pada tahun 1877.

Selepas kembali, Yam Tuan Antah telah berkelahi dengan ketua-ketua Melayu di Seri Menanti, dan perselisihan ini dapat diselesaikan. Bukit Putus juga merupakan tempat perundingan antara Gabenor Weld dan Yam Tuan Antah pada Mac, 1881. Awal tahun 1886, Weld melawat Seri Menanti dan mendapat persetujuan Yam Tuan untuk menempatkan seorang pegawai Inggeris di Kuala Pilah untuk menolong memungut cukai dan mengadakan perhubungan dan perniagaan dengan Melaka. Pada bulan Jun, 1886, R.N. Bland tiba di Kuala Pilah. Pendapatan dikutip dari cukai-cukai candu dan minuman keras dari pengutip-pengutip cukai bangsa Cina; juga wang dikutip daripada cukai-cukai tempat perjudian anggaran 10%. Pada akhir tahun, Martin Lister, pegawai yang lebih berpengalaman dari Ulu Selangor menggantikan Bland. Yam Tuan Antah membuat janji dengan orang-orang Inggeris menyatakan daerah Seri Menanti mendapat perlindungan orang-orang Inggeris. Perjanjian yang sama dibuat dengan daerah-daerah lain di Negeri Sembilan dan tiap-tiap daerah adalah berbeda antara satu dengan lain. Pada 22hb. Oktober, 1887 Yam Tuan Antah mangkat dan pada 8hb. Disember. Baginda digantikan oleh putera yang kacak dan bijak iaitu Tunku Besar Muhammad di Seri Menanti. Dalam tahun 1898 Yam Tuan Muhammad ditabalkan sebagai Yam Tuan seluruh Negeri Sembilan dan sejarah baru bagi Negeri Sembilan bermula.